



JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

BULETIN KHAS DOSM

Menangani Covid-19 di Malaysia

DOSM/BK/SEKTORAL/4.2020/SIRI 5

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM *Intelligence Stats* (DIS) bagi tujuan input kepada stakeholders dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- Kajian Kes Impak PKP oleh DOSM di lapangan pada 20 Mac 2020 di negeri Sabah, Sarawak, Kedah, Selangor dan Johor
- Survei Kesan Penularan COVID-19 kepada Rakyat Malaysia, 2020
- Pasaran Buruh di Malaysia: Industri Perhotelan

Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

KAJIAN KES IMPAK PKP OLEH DOSM NEGERI DI LAPANGAN PADA 20 MAC 2020

SABAH: BORONG & RUNCIT DAN PENGANGKUTAN TERJEJAS

Aktiviti syarikat dan kawasan setempat terkesan dengan penutupan outlet, pengurangan waktu operasi serta aktiviti pengangkutan yang terhad.

Sektor Borong dan Runcit menyumbang 13.3 peratus kepada ekonomi Sabah. Penutupan semua premis kecuali perkhidmatan perlu mengakibatkan penurunan lebih 50 peratus hasil jualan dan telah memberi kesan kepada lebih 30,000 pertubuhan Borong dan Runcit. Tempoh beroperasi sehingga 8.00 malam sahaja (pengurangan 17% tempoh berniaga) memberi kesan kepada lebih 6,600 pertubuhan yang masih beroperasi.


Sektor pengangkutan terjejas teruk akibat seluruh aktiviti pengangkutan darat diberhentikan dan 70 peratus aktiviti penerbangan dibatalkan.

SARAWAK: PENGUSAHA TEKSI DAN BOT EKSPRES KURANG PELANGGAN

Bilangan pembeli *hypermarket / supermarket* berkurangan 60 peratus di kawasan Miri, disebabkan oleh pembelian stok sebelum PKP dan hanya membeli barang keperluan sahaja. Hasil jualan harian jatuh sehingga 50 peratus kesan daripada pengurangan masa operasi.

Pendapatan pengusaha teksi di sekitar bandar raya Kuching terjejas teruk di mana permintaan perkhidmatan teksi terutamanya di lapangan terbang terkesan akibat banyak penerbangan dibatalkan.

Operasi perkhidmatan bot ekspres bagi laluan Kapit-Song-Sibu dikurangkan kerana kekurangan penumpang bagi meminimumkan kerugian. Pendapatan harian berkurangan sehingga 50 peratus berbanding sebelum ini.




1



KAJIAN KES IMPAK PKP OLEH DOSM NEGERI DI LAPANGAN PADA 20 MAC 2020 (SAMB.)

KEDAH: TRIP FERI DIKURANGKAN

Perkhidmatan feri ke semua sektor dikurangkan kepada dua trip sehari berbanding sepuluh trip sebelum ini. Waktu perjalanan diselaraskan pada jam 11.00 pagi dan 4.00 petang sahaja.



SELANGOR: KILANG DAN PERNIAGAAN TUTUP

Aktiviti ekonomi di Selangor terjejas kesan penutupan kebanyakan pertubuhan sektor pembuatan dan Borong & Runcit yang tidak tersenarai sebagai perkhidmatan perlu.

Berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan, 108 pertubuhan sektor pembuatan telah menyatakan akan menutup operasi.

Manakala, pertubuhan-pertubuhan utama Survei Perdagangan Edaran bulanan merupakan di antara pertubuhan yang tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP.

JOHOR: HOTEL DAN PUSAT REKREASI HILANG PENGUNJUNG

Syarikat pengeluar besi terjejas teruk di mana dalam tempoh dua minggu PKP telah mengalami kerugian hasil jualan kira-kira RM114 juta. Sekiranya PKP dilanjutkan selepas 31 Mac 2020, kerugian dianggarkan sebanyak RM245 juta sebulan.


Pengusaha perkhidmatan rekreasi menjangkakan kerugian pada suku pertama 2020 disebabkan oleh kekurangan pelancong mulai Januari 2020 dan menjadi lebih teruk semasa PKP. Pelawat utama daripada pelancong China dan Singapura.

70 peratus daripada pelanggan perkhidmatan perhotelan di Johor adalah dari Singapura. Kadar penghunian yang kebiasaannya tahun lepas pada kapasiti penuh turun secara mendadak kepada kurang daripada 10 peratus. Diunjurkan kerugian RM4.8 juta bagi suku kedua berbanding tahun lepas.

PROFIL RESPONDEN


3,263

RESPONDEN



98.3%

1.7%



Sub-sektor

Perdagangan
borong dan
runcit,
pemasakan
kenderaan
bermotor
dan
motosikal

Sub-sektor
Perkhidmatan

Perdagangan
borong dan
runcit,
pemasakan
kenderaan
bermotor
dan
motosikal

31.5%

30.5%

Perkhidmatan
makanan
dan
minuman

15.9%

Pengangkutan
dan
penyimpanan

15.9%

Pentadbiran
dan khidmat
sokongan

5.6%

Lain-lain

16.5%

Kumpulan Umur

11.8%

23.2%

24.7%

15-24
tahun

19.5%

25-34
tahun

14.7%

35-44
tahun

6.1%

45-54
tahun


11.8%

55-64
tahun

6.1%

65 tahun &
ke atas

POPULATION & HOUSING
CENSUS 2020
MALAYSIA 2020
YOUR DATA IS OUR FUTURE



Make Sure You're
COUNTED

SURVEI KESAN PENULARAN COVID-19 KEPADA RAKYAT MALAYSIA, 2020: MAJORITI RESPONDEN MENJANGKAKAN SITUASI AKAN SEMAKIN BURUK

Quick Survey Kesan Penularan COVID-19 kepada rakyat Malaysia telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 13 Mac 2020 di kawasan tertentu di seluruh Malaysia meliputi responden yang dipilih secara Convenience Sampling.

68.2 peratus responden menjangkakan hasil jualan mereka akan menurun kesan penularan COVID-19, manakala 28.5 peratus menjangkakan tiada perubahan. Sementara itu, 3.3 responden responden menjangkakan hasil jualan akan meningkat.

69.9 peratus responden menjangkakan bilangan pelanggan akan menurun, manakala 27.0 peratus menjangkakan tiada perubahan. Sementara itu, 3.1 responden responden menjangkakan bilangan pelanggan akan meningkat.

85.3 peratus responden daripada W.P. Kuala Lumpur menjangkakan hasil jualan akan menurun kesan penularan wabak ini berbanding 53.3 peratus responden daripada Terengganu yang menjangkakan situasi yang sama.

86.8 peratus responden daripada W.P. Kuala Lumpur menjangkakan bilangan pelanggan akan menurun berbanding 54.4 peratus responden daripada Kelantan yang menjangkakan situasi yang sama.



SEKILAS FAKTA


Keahlian Malaysian***
Association of Hotels
(MAH)

993 hotel
dengan
161,017 bilik
penginapan

Kadar Penghunian





Sumbangan Peratus Bilangan Pekerja mengikut Jantina**



Sumbangan Peratus Bilangan Pekerja mengikut Pekerjaan ****



99.7 peratus bekerja sepenuh masa



PEKERJA INDUSTRI PERHOTELAN HADAPI MASA DEPAN TIDAK MENENTU

Berdasarkan kenyataan rasmi *Malaysian Association of Hotels* (MAH) pada 18 Mac 2020, hotel tidak dibenarkan beroperasi secara sepenuhnya di sepanjang tempoh PKP, hanya kehadiran bilangan pekerja yang minimum dibenarkan.

Industri perhotelan telah mengalami kemerosotan berikutan penularan wabak COVID-19 dan pembatalan Tahun Melawat Malaysia 2020. Sehingga 16 Mac 2020 jumlah kerugian yang dicatat bagi semua hotel keahlian MAH di seluruh Malaysia adalah sebanyak RM68.2 juta daripada 170,085 tempahan bilik* yang dibatalkan.

Situasi buruk ini memberi kesan secara langsung kepada kira-kira 167 ribu orang** pekerja yang terlibat dalam subsektor penginapan. Keadaan ini dijangka akan berterusan sehingga akhir 2020 di mana semua pertubuhan berkaitan industri perhotelan mungkin mengalami kerugian yang kritikal dari segi pendapatan dan pemberhentian pekerja.

Sumber:

* Kenyataan Rasmi MAH bertarikh 17 Mac 2020 merujuk kepada pembatalan bilik dari 22 Januari 2020 hingga ke Mac 2020

** Statistik Pekerja dan Gaji & Upah Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2018

*** Malaysia Association of Hotels

**** Survei Tenaga Buruh, Suku Keempat 2019